

**SOALAN NO. : 3**

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA  
PERTANYAAN MINISTERIAL QUESTION TIME (MQT)**

**PERTANYAAN : MQT**

**DARIPADA : YB DATUK NOOR EHSANUDDIN BIN MOHD  
HARUN [KOTA TINGGI]**

**TARIKH : 16 MAC 2017 (KHAMIS)**

**SOALAN :**

Akhir-akhir ini terdapat beberapa kejadian serangan haiwan liar seperti gajah, kera, babi hutan dan sebagainya. Apakah tindakan segera kementerian dan perancangan jangka masa panjang dalam menyelesaikan konflik antara manusia dan haiwan liar ini. Apakah tindakan yang diambil pihak PERHILITAN pada masa ini dianggap mencukupi?

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan memandang serius dengan beberapa kejadian serangan haiwan liar seperti gajah, kera dan babi hutan yang berlaku sejak kebelakangan ini. Berdasarkan rekod Jabatan PERHILITAN dari tahun 2012 sehingga 2016, sejumlah 30,786 aduan gangguan hidupan liar telah diterima. Beberapa kaedah telah dijalankan bagi menangani masalah gangguan hidupan liar ini.

2. Bagi spesies gajah, antara tindakan segera yang telah diambil adalah menjalankan operasi tangkap pindah, operasi tembak halau dan pemantauan di lokasi aduan. Bagi perancangan jangka panjang untuk menangani konflik gajah, tindakan berikut dijalankan:

- i. Antara tahun 2009 - 2015, sebanyak 16 jajaran Sistem Pagar Elektrik Gajah (SPEG) sepanjang 302 km dengan kos sebanyak RM 13.6 juta telah dibina di Pahang (4 buah), Johor (3 buah), Perak (4), Terengganu (3 buah) dan Kelantan (2 buah). Pembinaan SPEG ini bertujuan menghalang pergerakan gajah dari memasuki kawasan pertanian dan penempatan penduduk.
- ii. Menjalankan pemasangan kolar satelit ke atas 14 ekor gajah konflik bagi tujuan Sistem Amaran Awal. Melalui kaedah ini pergerakan gajah konflik dapat dikenalpasti sebelum memasuki kawasan perkampungan atau peladangan bagi tujuan kawalan.
- iii. Melaksanakan Pelan Tindakan Konservasi Gajah Kebangsaan (NECAP) (2013 – 2022) bagi mewujudkan keseimbangan antara

kelestarian populasi gajah dan aktiviti pembangunan semasa di Semenanjung Malaysia.

iv. Menjalinkan kerjasama dengan Universiti dan NGO di dalam bidang penyelidikan dan kempen kesedaran awam

3. Bagi pengurusan spesies kera dan babi hutan konflik pula, antara tindakan yang diambil ialah:

i. Mengawal populasi konflik dengan menjalankan operasi penakaian (*culling*);

ii. Pemasangan perangkap di lokasi konflik;

iii. Menjalankan operasi basmi musuh tanaman bersama masyarakat setempat dan *stakeholder*; dan

iv. Program yang terbaru menjalankan projek percubaan bagi kontrak tangkapan kera di daerah Hulu Langat dan Petaling, Selangor pada tahun 2017. Sebanyak RM50 ribu telah diperuntukkan bagi menangkap 2,000 ekor kera konflik di kedua-dua lokasi.

4. Namun begitu disebabkan pembangunan negara yang semakin pesat, masih terdapat aktiviti pembukaan kawasan untuk kepentingan sosio ekonomi rakyat. Konflik manusia-hidupan liar ini dijangka akan berterusan dan pengurusan konflik yang lebih efektif diperlukan. Sehubungan dengan itu, beberapa langkah yang perlu dilaksanakan ialah:

i. Bagi pengurusan gajah konflik, pemasangan SPEG masih diperlukan di beberapa kawasan di Kedah, Pahang, Johor, Perak dan Terengganu . Dianggarkan tambahan 220 km jajaran SPEG diperlukan dengan kos sebanyak RM11 juta.

- ii. Penambahan pemasangan kolar pada 32 kumpulan gajah konflik sebagai Sistem Amaran Awal bagi mengesan pergerakan gajah konflik.
- iii. Bagi pengurusan kera konflik, penambahan perangkap kera melalui program "Perangkap Kera Komuniti" adalah diperlukan. Sebanyak 1,102 buah perangkap kera masih diperlukan dengan anggaran kos sebanyak RM3.8 juta.

Sekian, terima kasih.